

A. ORGANIZER AND AUTHORIZED AGENCY

1. The Perodua Total Protect Plus Renew & Win Campaign 2026 (the "Campaign") is organised by Perodua Sales Sdn. Bhd. ("Perodua" or the "Organiser").
2. Sashimi Social Sdn. Bhd. (Registration No. 1063021-K) ("Agency") is appointed and authorized to administer and manage the Campaign on Perodua's behalf, including registration tracking, eligibility screening, draw administration, winner communication, prize fulfilment and reporting. The Agency is not a co-organiser, and Perodua retains final authority over the Campaign.
3. **Important:** By entering or participating in this Campaign, the Participants:
 - Confirm that you have read, understood and agreed to these Terms and Conditions.
 - Agree to provide your details including full name, IC Number, Vehicle Registration Numbers and Mobile Number via campaign registration form provided through WhatsApp within 14 days after insurance renewal.
 - Agree that Perodua's decision on all matters relating to the Campaign shall be final and binding on all participants. No further appeal or further correspondence will be entertained;
 - Consent for Perodua to disclose their particulars to the third-party service provider(s)/ authorized supplier(s) including vendors, suppliers, advertising and promotion agencies engaged by Perodua for the purpose of contacting them during and after the Campaign;
 - Authorize Perodua to publish their names, photos taken or other information provided by him/her for current and future advertising and publicity purposes in any advertising or publicity material relating to the Campaign without any compensation;
 - Shall not be entitled to claim for and waive any rights to any compensation against Perodua nor any of its officers, employees, representatives and/or agents (including without limitation, any third-party service providers engaged by Perodua for the purposes of the Campaign) for any and all loss and damage suffered or incurred by his/her participation in the Campaign whether as a direct or indirect result of the act of amendments, termination or suspension of the Campaign; and
 - Shall not dispute nor make any oral or written complaints, public announcements or statements on the same whether during or after the Campaign Period.

B. CAMPAIGN PERIOD

1. The Campaign begins at 12:00 a.m. Malaysian Time ("MYT") on 1 September 2026 and ends at 11:59 p.m. MYT on 31 October 2026 ("Campaign Period"). Entries received outside the Campaign Period will be cancelled and deemed ineligible for consideration for the Prize.

C. ELIGIBILITY (CUSTOMERS/PARTICIPANTS)

1. The Campaign is open to individuals aged eighteen (18) years or above who lawfully reside in Malaysia and meet the following conditions:
 - Perodua vehicle not more than 20 years old
 - Insurance Policy insured with Perodua Total Protect Plus
 - Insurance Policy remain active as at the time of winners announcement (1 month after campaign period)
 - Insurance renewal purchase through:
 - i. Perodua Online Renewal Platform at www.insurancerenewal.perodua.com.my, or
 - ii. Perodua Authorized Outlets. Visit www.perodua.com.my/locate to locate nearest Perodua Outlets.
 - Insurance Renewal Cover Notes issued within Campaign Period with valid successful payment.
 - Submitted Campaign Registration Form with accurate details and answer campaign quiz correctly within Campaign Period. Participants will receive both link to registration form and quiz via WhatsApp within 14 days after renewal.
 - Members of organizing committee, draw panel and persons directly involved in administering the Campaign, together with their immediate family members, are not eligible. Perodua may request identity, vehicle, policy and payment documents at any time for verification.
 - Renewal Data from Perodua Internal System, VIPRO (Perodua Branch) and PPIS (Perodua Dealers), system will be used for verification.

D. CAMPAIGN MECHANICS AND ENTRY ENTITLEMENT

- Participants must fulfil all campaign conditions specified in **Section C. ELIGIBILITY (CUSTOMERS/PARTICIPANTS)**.
- Lucky draw entries are awarded according to the qualifying insurance renewal category below:

Code	Qualifying renewal category	Entries awarded
A	Renewal via a Perodua Authorized Outlet	1
B	Renewal via the Online Renewal Platform	2
C	First-Year Renewal via a Perodua Authorized Outlet	3
D	First-Year Renewal via the Online Renewal Platform	5

- First-Year Renewal refers to the first motor insurance renewal following the registration or purchase of a new vehicle. For this campaign, Perodua vehicle registered in 2025 and renewed within the Campaign Period is considered as a First-Year Renewal.
- Each Eligible Policy receives one (1) set of entries. Multiple registration submitted for the same policy shall not result in additional entries. A Participant with multiple eligible vehicles/policies may receive entries for each qualifying policy, however the Participant shall **win only one (1)** Prize throughout the Campaign.
- Entries will be allocated to one of five regions, namely Northern, Southern, Central, East Coast and East Malaysia. For renewals made at Perodua Authorized Outlets, the relevant region shall be determined based on the issuing Outlets. For online renewals, the relevant region shall be determined based on the selected Preferred Outlet in the online renewal platform, Perodua may determine the region based on policy/vehicle address or such other reasonable regional indicator.

E. PRIZES

- There shall be two thousand five hundred and sixty (2,560) Prizes per Campaign Month and five thousand one hundred and twenty (5,120) Prizes across the Campaign. The intended monthly allocation is five hundred and twelve (512) winners per region across five (5) regions. The detailed prize allocation is set out below:

Tier	Prize	Quantity/Month
1st	iPhone 17 Pro (512GB) + RM200 P-Duit e-wallet credit Total worth: RM6,700	5
2nd	HUAWEI Pura 90s Pro Max (12GB+256GB) + RM200 P-Duit e-wallet credit Total worth: RM5,100	5
3rd	PlayStation 5 Digital Console (Slim) + RM150 P-Duit e-wallet credit Total worth: RM2,650	15
4th	HABIB MY Corak Collection Set - 999.9 Gold Wafer (1g) + RM100 P-Duit e-wallet credit Total worth: RM1,050	15
5th	Perodua P-Go Smart Watch + RM50 P-Duit e-wallet credit Total worth: RM700	20
6th	RM100 P-Duit e-wallet credit Total worth: RM100	2,500
Total Winners Per Month		2,560

- All Prizes are subject to availability. Perodua reserve right to substitute any unavailable Prize with another prize of equal, reasonably comparable or greater value. Image, models, colours and specifications of the Prizes are for illustration only and may differ from actual Prize awarded.
- In case of Prize cannot be awarded after reasonable verification attempts, Perodua may carry the Prize forward, select from another eligible regional pool or otherwise reallocate it fairly.
- P-Duit credits are subject to applicable P-Circle/P-Duit account, eKYC, usage, expiry and platform terms.
- Prizes are non-transferable, non-refundable and exchangeable and cannot be redeemed for cash, except otherwise stated.

F.WINNER SELECTION AND ANNOUNCEMENT

1. Eligible entries will be placed into monthly and regional draw pools based on the Eligible Policy issuance date. Winners will be selected through a computerised random draw. The draw will be witnessed or observed by representatives appointed by Perodua.
2. Winners are provisional until eligibility, identity, renewal, policy, entry and regional details are verified. Perodua may select reserve winners where a selected winner is ineligible or fails verification.
3. September 2026 winners are intended to be announced by the end of October 2026 while October 2026 winners by the end of November 2026, subject to verification. Winners may be contacted through their registered contact details and announced through Perodua's official channels.
4. If a winner cannot be contacted after three (3) reasonable attempts or does not respond within fourteen (14) calendar days from the first notification, the Prize may be forfeited and a reserve winner may be selected. Perodua's decision on eligibility, draw results, verification and prize allocation is final, subject to applicable law.

G.PRIZE DISTRIBUTION AND COLLECTION

1. Perodua and/or Agency will endeavour to distribute the Prizes within sixty (60) days after the Campaign Period ends, subject to winner's verification and availability of the Prizes.
2. Physical Prizes shall be collected at a Perodua Authorized Outlet designated by Perodua. Winners shall be required to present identification and such other documents requested by Perodua and sign a prize acknowledgement upon collection. Collection by a representative shall only be permitted with Perodua's prior written approval.
3. Winners may be required to participate in a short prize-giving photography and/or video session organized by Perodua and/or Agency. P-Duit e-wallet credits shall be credited to the winner's eligible and verified account or another method notified by Perodua.
4. A Prize must be collected or accepted within sixty (60) days from the winner notification or earlier deadline stated in the notification. Failure to do so, may result in forfeiture of the Prize.
5. Any product warranty or issue after receipt is subject to the manufacturer's or supplier's terms.

H.GENERAL TERMS AND CONDITIONS

1. Perodua's records relating to Campaigns, including insurance renewal, registration and entries, are final for determining eligibility and entries, except in the case of manifest error. Perodua reserve the right to verify any relevant details before awarding a Prize.
2. Perodua shall not be responsible or liable for any lost, delayed or unsuccessful entries/communications caused by incorrect information, system or network problems, or circumstances beyond its reasonable control.
3. Perodua may amend these Terms & Conditions and/or extend, suspend or cancel the Campaign where reasonably necessary. Changes shall be communicated through Perodua's official website or other official channels as Perodua may determine.
4. Perodua and the Agency are not responsible for delays, interruption or failure caused by events beyond their reasonable control, including natural disasters, government action, major system/telecommunications failures or any other unforeseen events.
5. Participation in the Campaign does not change or affect the terms and conditions of the Participant's PTPP insurance policy/certificate. If any provision of these Terms & Conditions invalid or unenforceable, the remaining provisions will continue to apply. These Terms & Conditions shall be interpreted primarily in English language. If a Bahasa Malaysia or other language version is provided and there is any inconsistency, ambiguity or conflict, the English version shall prevail to the extent permitted by applicable law.

I.PERODUA PRIVACY NOTICE AND PERSONAL DATA PROTECTION

1. Personal data will be collected, processed, used and disclosed in accordance with Perodua's Privacy Notice for Campaign administration, eligibility verification, winner communication, Prize fulfilment, publicity and related purposes. Necessary data may be shared with the Agency, Perodua Authorised Outlets, Panel Insurers, P-Circle/P-Duit providers, Prize suppliers, logistics providers, auditors, advisers, regulators and relevant service providers. Visit www.perodua.com.my/legal-notices/privacy-policy for Perodua's Privacy Notice.



PERODUA TOTAL PROTECT PLUS (PTPP)
RENEW & WIN CAMPAIGN 2026
TERMS & CONDITIONS | 1 SEPTEMBER – 31 OCTOBER 2026



J.ENQUIRIES

1. Campaign or privacy enquiries may be directed to Perodua Customer Care at 1800-88-6600 (Monday-Friday, 9:00 a.m.-5:00 p.m., excluding public holidays), or email us at crd@perodua.com.my.

A. PENGANJUR DAN AGENSI YANG DIBERI KUASA

1. Kempen Perodua Total Protect Plus Renew & Win 2026 ("Kempen") dianjurkan oleh Perodua Sales Sdn. Bhd. ("Perodua" atau "Penganjur").
2. Sashimi Social Sdn. Bhd. (No. Pendaftaran 1063021-K) ("Agensi") dilantik dan diberi kuasa untuk mentadbir serta menguruskan Kempen bagi pihak Perodua, termasuk menjejaki pendaftaran, menyaring kelayakan, mentadbir cabutan, menghubungi pemenang, menyerahkan hadiah dan menyediakan laporan. Agensi bukan penganjur bersama dan Perodua mempunyai kuasa muktamad berhubung Kempen ini.
3. **Penting:** Dengan menyertai atau mengambil bahagian dalam Kempen ini, Peserta:
 - Mengesahkan bahawa Peserta telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini;
 - Bersetuju untuk memberikan butiran termasuk nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor pendaftaran kenderaan dan nombor telefon bimbit melalui borang pendaftaran Kempen yang diberikan melalui WhatsApp dalam tempoh 14 hari selepas pembaharuan insurans.
 - Bersetuju bahawa keputusan Perodua berhubung semua perkara berkaitan Kempen adalah muktamad dan mengikat semua Peserta, dan tiada rayuan atau surat-menyurat lanjut akan dilayan;
 - Bersetuju supaya Perodua mendedahkan butirannya kepada penyedia perkhidmatan pihak ketiga dan/atau pembekal sah, termasuk vendor, pembekal serta agensi pengiklanan dan promosi yang dilantik oleh Perodua, bagi tujuan menghubunginya semasa dan selepas Kempen;
 - Memberi kebenaran kepada Perodua untuk menerbitkan nama, gambar atau maklumat lain yang diberikannya bagi tujuan pengiklanan dan publisiti semasa dan akan datang berkaitan Kempen, tanpa sebarang bayaran pampasan;
 - Setakat yang dibenarkan undang-undang, tidak berhak menuntut dan mengetepikan hak terhadap sebarang pampasan daripada Perodua atau mana-mana pegawai, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik bagi Kempen) atas apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami akibat penyertaan dalam Kempen atau akibat pindaan, penamatan atau penggantungan Kempen;
 - Tidak akan mempertikaikan atau membuat aduan secara lisan atau bertulis, pengumuman awam atau kenyataan berhubung perkara yang sama, sama ada semasa atau selepas Tempoh Kempen, tertakluk kepada hak Peserta di bawah undang-undang yang terpakai.

B. TEMPOH KEMPEN

1. Kempen bermula pada pukul 12:00 tengah malam Waktu Malaysia ("MYT") pada 1 September 2026 dan berakhir pada pukul 11:59 malam MYT pada 31 Oktober 2026, termasuk kedua-dua tarikh ("Tempoh Kempen"). Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan dibatalkan dan dianggap tidak layak untuk dipertimbangkan untuk Hadiah.

C. KELAYAKAN (PELANGGAN/PESERTA)

- Kempen terbuka kepada individu berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas yang menetap secara sah di Malaysia serta memenuhi semua syarat berikut:
 - Kenderaan Perodua berusia tidak melebihi dua puluh (20) tahun.
 - Polisi insurans adalah di bawah Perodua Total Protect Plus (PTPP).
 - Polisi insurans masih aktif pada masa pengumuman pemenang, iaitu satu (1) bulan selepas Tempoh Kempen.
 - Pembaharuan insurans dibuat melalui:
 - i. Platform Pembaharuan Dalam Talian Perodua di www.insurancerenewal.perodua.com.my atau melalui
 - ii. Cawangan atau Pengedar Perodua yang sah. Layari www.perodua.com.my/locate untuk mencari Perodua yang terdekat.
 - Nota Perlindungan (Cover Note) pembaharuan insurans dikeluarkan dalam Tempoh Kempen dan bayaran telah berjaya serta sah.

- Borang pendaftaran Kempen telah dihantar dengan butiran yang tepat dan kuiz Kempen telah dijawab dengan betul dalam Tempoh Kempen. Peserta akan menerima pautan untuk borang pendaftaran dan kuiz dalam tempoh 14 hari selepas pembaharuan insurans melalui WhatsApp.
- Ahli jawatankuasa penganjur, panel cabutan dan individu yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran Kempen, berserta ahli keluarga terdekat mereka, tidak layak. Penganjur boleh meminta dokumen pengenalan diri, kenderaan, polisi dan bayaran pada bila-bila masa bagi tujuan pengesahan.
- Data pembaharuan Insurans daripada Sistem Dalam Perodua, VIPRO (Cawangan Perodua) dan PPIS (Pengedar Perodua), akan digunakan bagi tujuan pengesahan.

D.MEKANISME KEMPEN DAN KELAYAKAN PENYERTAAN

- Peserta hendaklah memenuhi semua syarat Kempen yang dinyatakan dalam **Bahagian C, Kelayakan (Pelanggan/Peserta)**.
- Penyertaan cabutan bertuah diberikan mengikut kategori pembaharuan insurans yang layak seperti berikut:

Kod	Kategori Pembaharuan Yang Layak	Bilangan Penyertaan
A	Pembaharuan melalui Cawangan dan Pengedar Sah Perodua	1
B	Pembaharuan melalui Platform Pembaharuan Dalam Talian (Perodua Online Renewal Platform)	2
C	Pembaharuan Tahun Pertama melalui Cawangan dan Pengedar Sah Perodua	3
D	Pembaharuan Tahun Pertama melalui Platform Pembaharuan Dalam Talian (Perodua Online Renewal Platform)	5

- Pembaharuan Tahun Pertama merujuk kepada pembaharuan insurans motor yang pertama selepas pendaftaran atau pembelian kereta baharu. Bagi Kempen ini, kereta Perodua yang didaftarkan pada tahun 2025 dan insurans diperbaharui dalam Tempoh Kempen dianggap sebagai Pembaharuan Tahun Pertama.
- Setiap polisi yang layak menerima satu set penyertaan. Pengemukakan borang pendaftaran berulang bagi polisi yang sama tidak menghasilkan penyertaan tambahan. Peserta yang mempunyai beberapa kenderaan atau polisi yang layak boleh menerima penyertaan bagi setiap polisi yang layak, tetapi hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah sepanjang Kempen.
- Penyertaan akan diperuntukkan kepada salah satu daripada lima wilayah, iaitu Utara, Selatan, Tengah, Pantai Timur dan Malaysia Timur. Bagi pembaharuan melalui Cawangan atau Pengedar yang sah diperuntukkan berdasarkan Cawangan atau Pengedar sah yang mengeluarkan polisi. Bagi pembaharuan dalam talian diperuntukkan berdasarkan Cawangan dan Pengedar Perodua Pilihan pelanggan di dalam platform pembaharuan dalam talian tersebut. Perodua juga boleh menggunakan alamat polisi/kenderaan atau penentu wilayah lain yang munasabah.

E.HADIAH

1. Terdapat dua ribu lima ratus enam puluh (2,560) Hadiah bagi setiap bulan Kempen dan lima ribu satu ratus dua puluh (5,120) Hadiah sepanjang Kempen. Peruntukan bulanan yang dirancang ialah 512 pemenang bagi setiap wilayah, merentasi lima wilayah. Butiran Hadiah adalah seperti berikut:

Peringkat	Hadiah	Kuantiti/Bulan
Pertama	iPhone 17 Pro (512GB) + RM200 kredit P-Duit e-wallet Jumlah nilai: RM6,700	5
Kedua	HUAWEI Pura 90s Pro Max (12GB+256GB) + RM200 kredit P-Duit e-wallet Jumlah nilai: RM5,100	5
Ketiga	PlayStation 5 Digital Console (Slim) + RM150 kredit P-Duit e-wallet Jumlah nilai: RM2,650	15
Keempat	HABIB MY Corak Collection Set - 999.9 Gold Wafer (1g) + RM100 kredit P-Duit e-wallet Jumlah nilai: RM1,050	15
Kelima	Perodua P-Go Smart Watch + RM50 kredit P-Duit e-wallet Jumlah nilai: RM700	20
Keenam	RM100 kredit P-Duit e-wallet Jumlah nilai: RM100	2,500
Jumlah Pemenang Sebulan		2,560

2. Hadiah tertakluk pada ketersediaan. Perodua boleh menggantikan Hadiah yang tidak tersedia dengan hadiah lain yang bernilai sama, setara secara munasabah atau lebih tinggi. Imej, model, warna dan spesifikasi adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja.
3. Sekiranya sesuatu Hadiah tidak dapat diberikan selepas usaha pengesahan yang munasabah, Perodua boleh membawa Hadiah tersebut ke hadapan, memilih pemenang daripada kumpulan wilayah layak yang lain atau memperuntukkannya semula secara adil.
4. Kredit P-Duit tertakluk kepada akaun P-Circle/P-Duit, eKYC, penggunaan, tempoh sah dan terma platform yang berkenaan.
5. Hadiah tidak boleh dipindah milik, dipulangkan atau ditukar dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai, kecuali dinyatakan sebaliknya.

F.PEMILIHAN DAN PENGUMUMAN PEMENANG

1. Penyertaan yang layak akan dimasukkan ke dalam kumpulan cabutan bulanan dan wilayah berdasarkan tarikh pengeluaran polisi yang layak. Pemenang akan dipilih melalui cabutan rawak berkomputer. Cabutan akan disaksikan atau diperhatikan oleh wakil yang dilantik oleh Perodua.
2. Semua pemenang yang dipilih adalah bersifat sementara sehingga kelayakan, identiti, pembaharuan, polisi, penyertaan dan butiran wilayah disahkan. Perodua boleh memilih pemenang simpanan sekiranya pemenang yang dipilih tidak layak atau gagal dalam pengesahan.
3. Pemenang bagi September 2026 dijangka diumumkan selewat-lewatnya pada akhir Oktober 2026, manakala pemenang bagi Oktober 2026 dijangka diumumkan selewat-lewatnya pada akhir November 2026, tertakluk pada pengesahan. Pemenang boleh dihubungi melalui butiran hubungan yang didaftarkan dan diumumkan melalui saluran rasmi Perodua.
4. Sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) percubaan yang munasabah atau tidak memberikan maklum balas dalam tempoh empat belas (14) hari kalendar daripada pemberitahuan pertama, Hadiah boleh dilucutkan dan pemenang simpanan boleh dipilih.
5. Keputusan Perodua berhubung kelayakan, keputusan cabutan, pengesahan dan peruntukan Hadiah adalah muktamad, tertakluk pada undang-undang yang terpakai.

G. PENGAGIHAN DAN PENGAMBILAN HADIAH

1. Perodua dan/atau Agensi akan berusaha untuk menyerahkan Hadiah dalam tempoh enam puluh (60) hari selepas Tempoh Kempen berakhir, tertakluk pada pengesahan pemenang dan ketersediaan Hadiah.
2. Hadiah fizikal hendaklah diambil di Cawangan atau Pengedar Perodua yang sah. Pemenang mesti mengemukakan dokumen pengenalan diri dan apa-apa dokumen yang diminta serta menandatangani akuan penerimaan Hadiah. Pengambilan oleh wakil hanya dibenarkan dengan kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada Perodua.
3. Pemenang mungkin dikehendaki menyertai sesi fotografi dan/atau video penyerahan Hadiah yang ringkas. Kredit e-Wallet P-Duit akan dikreditkan ke akaun layak pemenang yang telah disahkan atau melalui kaedah lain yang dimaklumkan oleh Perodua.
4. Hadiah hendaklah diambil atau diterima dalam tempoh enam puluh (60) hari daripada pemberitahuan pemenang atau sebelum tarikh akhir yang lebih awal seperti dinyatakan dalam pemberitahuan. Kegagalan berbuat demikian boleh menyebabkan Hadiah dilucutkan.
5. Sebarang waranti produk atau isu selepas penerimaan tertakluk kepada terma pengilang atau pembekal yang berkenaan.

H. TERMA DAN SYARAT AM

1. Rekod Kempen Perodua, termasuk rekod pembaharuan insurans, pendaftaran dan penyertaan, adalah muktamad bagi menentukan kelayakan dan bilangan penyertaan, kecuali terdapat kesilapan yang nyata. Perodua boleh mengesahkan butiran berkaitan sebelum memberikan Hadiah.
2. Perodua tidak bertanggungjawab atas penyertaan atau komunikasi yang hilang, lewat atau tidak berjaya disebabkan maklumat yang tidak tepat, masalah sistem atau rangkaian, atau keadaan di luar kawalan munasabah.
3. Perodua boleh meminda Terma dan Syarat ini atau melanjutkan, menggantung atau membatalkan Kempen jika perlu. Perubahan akan dimaklumkan melalui laman web rasmi Perodua atau saluran rasmi lain sebagaimana ditentukan oleh Perodua.
4. Perodua dan Agensi tidak bertanggungjawab atas kelewatan atau kegagalan yang disebabkan oleh kejadian di luar kawalan munasabah mereka, termasuk bencana alam, tindakan kerajaan, kegagalan besar sistem atau telekomunikasi, atau kejadian lain yang tidak dijangka.
5. Penyertaan dalam Kempen tidak mengubah atau menjejaskan terma dan syarat polisi atau sijil insurans PTPP Peserta. Jika mana-mana peruntukan Terma dan Syarat ini tidak sah atau tidak boleh dikuatkuasakan, peruntukan selebihnya akan terus berkuat kuasa. Bahasa dan tafsiran utama bagi Terma dan Syarat ini ialah Bahasa Inggeris. Sekiranya versi Bahasa Malaysia atau bahasa lain disediakan dan terdapat apa-apa ketidakselarasan, kekaburan atau percanggahan, versi Bahasa Inggeris akan terpakai setakat yang dibenarkan oleh undang-undang terpakai.

I. NOTIS PRIVASI PERODUA DAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI

1. Data peribadi akan dikumpul, diproses, digunakan dan didedahkan menurut Notis Privasi Perodua bagi tujuan pentadbiran Kempen, pengesahan kelayakan, komunikasi dengan pemenang, penyerahan Hadiah, publisiti dan tujuan berkaitan. Data yang diperlukan boleh dikongsi dengan Agensi, Cawangan dan Pengedar Perodua yang sah, Penanggung Insurans Panel Perodua, penyedia P-Circle/P-Duit, pembekal Hadiah, penyedia logistik, juruaudit, penasihat, pengawal selia dan penyedia perkhidmatan berkaitan. Layari www.perodua.com.my/legal-notices/privacy-policy untuk membaca Notis Privasi Perodua.

J. PERTANYAAN

1. Pertanyaan berkaitan Kempen atau privasi boleh diajukan kepada Perodua Customer Care di talian 1800-88-6600 (Isnin hingga Jumaat, 9:00 pagi hingga 5:00 petang, tidak termasuk cuti umum), atau melalui e-mel kepada crd@perodua.com.my.